

19 MAY 2002

DR MAHATHIR BELUM FIKIR TUNDA PEMILIHAN UMNO TAHUN DEPAN

SHAH ALAM, 19 Mei (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau belum lagi memikirkan cadangan untuk menangguhkan pemilihan Umno yang dijadualkan tahun depan.

"Saya belum fikir lagi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan agung MIC di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan pemberita sama ada beliau setuju dengan cadangan tiga naib presiden Umno minggu lepas yang mencadangkan pemilihan parti itu ditangguhkan memandangkan pilihan raya umum akan diadakan dalam dua tahun ini.

Pemilihan Umno pernah ditangguhkan pada tahun 1999 kepada tahun 2000 berikutan pilihan raya umum yang diadakan pada November 1999.

Mengenai kenyataan Presiden Parti Keadilan Nasional Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bahawa Barisan Nasional mempunyai peluang cerah untuk memenangi pilihan raya umum akan datang kerana sokongan kepada parti pembangkang merosot, Dr Mahathir berkata Keadilan tidak mempunyai matlamat sebenar.

"Mereka sebenarnya dipanggil Keadilan kerana memperjuangkan untuk satu orang sahaja. Mereka anggap perjuangan untuk satu orang, lama kelamaan, orang pun tak minat," katanya.

-- BERNAMA

AT SR RON